

10 JUN 1996  
Langkawi - Mahal  
ISU BARANGAN MAHAL TIDAK SERIUS DI LANGKAWI

LANGKAWI, 10 Jun (Bernama) -- Isu harga barangan dan caj perkhidmatan yang dikatakan mahal di pulau peranginan bebas cukai ini tidak serius seperti yang digambarkan, kata Pegawai Daerah Langkawi Haji Ismail Hamid, hari ini.

Beliau berkata keadaan sebenarnya adalah terkawal dan orang ramai yang merancang untuk mengunjungi Langkawi tidak perlu risau untuk berbuat demikian.

Ulasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mengenai isu itu baru-baru ini dibuat secara umum dan keadaan sebenarnya tidak begitu serius, katanya.

"Kita akui dalam beberapa hal, ada yang tinggi tetapi suka juga kita menyatakan bahawa masih banyak lagi barangan yang jauh lebih murah di sini berbanding dengan di tanah besar. Bagaimanapun hanya yang mahal sahaja yang dijadikan bahan cerita sedangkan yang murah kerap dipendam begitu sahaja," katanya pada persidangan akhbar di sini.

Dr Mahathir semasa melawat Langkawi minggu lepas melahirkan rasa kecewanya dengan sikap peniaga di sini yang beliau sifatkan sebagai tamak kerana menaikkan harga barangan dengan sesuka hati mereka.

Beliau berpendapat perbuatan mereka yang kerap dilakukan semasa musim percutian boleh menjejaskan imej Langkawi dan merugikan usaha kerajaan membelanjakan berjuta ringgit membangunkan pulau ini sedangkan mereka tidak mengeluarkan wang walau sesen.

Ismail berkata apa yang pelik ialah peti aduan Unit Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Jeti Kuah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi tidak mendapat sambutan.

"Tujuan penyediaan peti ini adalah jelas dan jika betul pengunjung mendapati barangan di sini mahal, mereka patut membuat aduan melalui peti berkenaan tetapi kita difahamkan itu tidak berlaku," katanya.

Pejabat Daerah dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) serta beberapa lagi agensi kerajaan yang turut bertanggungjawab terhadap Langkawi telah mengadakan perjumpaan dengan persatuan-persatuan peniaga dan pengangkutan untuk membincangkan perkara itu.

Menurutnya persatuan berkenaan telah memberi jaminan bahawa mereka tidak akan menaikkan harga barangan dan caj perkhidmatan mereka sesuka hati.

Beliau yakin para peniaga di sini sedar akan tanggungjawab sosial mereka dan tidak tergamak untuk mencemarkan imej Langkawi sebagai destinasi percutian dunia kerana rezeki mereka terletak di sini.

"Kita berpuas hati kerana mereka telah mengotakan janji mereka tetapi orang ramai perlu sedar bahawa tidak semua barangan di sini adalah barangan bebas cukai," katanya.

Ismail tidak menolak dakwaan bahawa harga buah-buahan dan makanan agak mahal kerana ia dibawa dari tanah besar yang membabitkan kos pengangkutan.

Beliau berkata tanggapan bahawa barangan di Langkawi mahal mungkin berpunca dari kadar kereta sewa pandu sendiri yang tidak menentu dan tinggi semasa musim cuti.

"Kita akui perkara ini dan sedang berusaha untuk menanganinya kerana perkhidmatan itu yang terdapat di Jeti Kuah dan lapangan terbang dijalankan secara haram.

"Apabila ia dijalankan secara haram, sudah tentu kerajaan tidak dapat menetapkan kadar sewanya tetapi kita berjanji untuk menyelesaikan perkara

itu termasuk kemungkinan melesenkan perkhidmatan mereka," katanya.

Pada musim cuti, kadar kereta sewa pandu sendiri yang diusahakan secara haram itu boleh mencecah sehingga RM130 sehari bagi Proton Iswara sedangkan pada hari biasa, ia berharga antara RM60 dan RM80. -- BERNAMA

ZAA NAK